

## **KEBENARAN MENGEKSPORT SEMULA BAHAN MENTAH/KOMPONEN DAN MESIN/ALAT YANG TELAH DIKECUALIKAN DUTI/CUKAI**

Syarikat pengilangan atau syarikat yang menjalankan aktiviti pertanian boleh melakukan pengeksport semula ke atas mana-mana bahan mentah/komponen atau mesin/alat yang telah diimport dengan pengecualian duti/cukai tertakluk kepada syarat mendapat kebenaran daripada Perbendaharaan terlebih dahulu supaya dapat dipastikan barangan berkenaan tidak disalahgunakan oleh lain-lain pihak yang tidak layak mendapat kemudahan pengecualian duti/cukai tersebut.

### **Asas Permohonan**

Syarikat boleh memohon untuk mengeksport semula mesin/alat atau bahan mentah/komponennn berkenaan jika sekiranya berlaku salah satu daripada berikut:

- i) mesin/alat atau bahan mentah/komponen berkenaan didapati rosak dan perlu diperbaiki atau diganti dengan yang baru;
- ii) mesin/alat atau bahan mentah/komponen berkenaan didapati tidak memenuhi spesifikasi/mutu sebagaimana yang dikehendaki oleh syarikat;
- iii) bahan mentah/komponen dan mesin/alat berkenaan tidak lagi digunakan dalam aktiviti syarikat;
- iv) lain-lain sebab yang munasabah.

### **Cara Memohon**

- a) Permohonan hendaklah dikemukakan kepada Bahagian Analisa Cukai, Perbendaharaan Malaysia, Tingkat 6, Blok Tengah, Kompleks Kementerian Kewangan, Presint 2, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62592 Putrajaya dengan menyatakan butiran-butiran seperti berikut:
  - diskripsi, kod tariff dan kuantiti barangan;
    - nyatakan sebab-sebab barangan berkenaan perlu dieksport dan nama negara yang berkenaan;
  - nyatakan setesen kastam eksport dimana barangan berkenaan akan dieksport;
  - lain-lain maklumat yang difikirkan perlu.
- b) Bagi syarikat yang beroperasi di kawasan Gudang Pengilangan Berlesen (LMW) dan Zon Perindustrian Bebas Cukai (FTZ), syarikat hanya perlu mengemukakan permohonan kepada Setesen Kastam (Industri) Cawangan Negeri yang berkaitan bagi mendapatkan kebenaran mengeksport semula.

## **Jangkamasa Pemerosesan**

Keputusan permohonan syarikat akan disampaikan dalam tempoh 14 hari bekerja dari tarikh permohonan diterima oleh Perbendaharaan.

## **Pegawai Yang Dirujuk**

Pertanyaan mengenai perkara ini boleh dirujuk kepada pegawai yang menjaga industri berkaitan atau yang menandatangani surat pengecualian syarikat.